

Syor wujud segera mahkamah khas GST

Elak pihak tertentu ambil kesempatan manipulasi isu sistem cukai baharu

Seperti yang diketahui umum, kerajaan akan melaksanakan sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bermula 1 April 2015 pada kadar enam peratus, menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). Cuma, walaupun jaminan diberikan oleh kerajaan untuk memastikan tiada kenaikan harga barang yang ketara serta terdapat banyak usaha yang telah diambil oleh pihak kerajaan dengan memberi penerangan kepada masyarakat umum mengenai isu GST terbabit, ada sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab terutama peniaga tertentu yang menanggung di air keruh.

Mereka berterusan memanipulasi isu sistem percukaian GST terbabit bagi mendapat keuntungan secara berlebihan dengan menipu serta mengelirukan pengguna supaya membeli barang dengan segera serta dengan jumlah kuantiti banyak untuk disimpan sebelum sistem percukaian GST terbabit dilaksanakan.

Pengguna yang masih keliru dengan isu GST tentu dengan mudah akan percaya dengan apa yang dikatakan oleh peniaga terbabit lalu membelanjakan wang mereka untuk membeli barang dengan kuantiti banyak untuk disimpan bagi mengelakkan perbelanjaan setelah GST dilaksanakan kelak.

Kuat kuasa langkah tegas

Oleh yang demikian, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) hendaklah mengambil langkah tegas dengan menguatkuasakan segala peruntukan undang-undang yang ada bagi memastikan tiada pihak mengambil peluang memanipulasikan isu GST terbabit dengan sesuka hati sebelum ia dilaksanakan seperti yang termaktub di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730).

Seksyen 18 (1) Akta 730 terbabit memperuntukkan bahawa 'Tiada seorang pun boleh membuat apa-apa pernyataan palsu atau yang mengelirukan dalam mana-mana iklan berhubung dengan apa-apa barang atau perkhidmatan.'

Mengikut Seksyen 21 Akta 730 terbabit, sesiapa yang didapati melanggar peruntukan terbabit akan didapati melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan (a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi RM5,000, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM1 juta; atau (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama


tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) yang dikuatkuasakan pada tahun 2010 perlu juga ambil tindakan tegas bagi mengekang peniaga memanipulasikan isu GST terbabit setelah ia dilaksanakan nanti.

Melalui Akta 723 terbabit, sesuatu pertubuhan yang ingkar menaikkan harga sesuatu barangan tanpa kelulusan pihak berwajib boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000, manakala individu yang didapati bersalah untuk perkara yang sama juga boleh didenda sehingga RM100,000, dipenjarakan tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

Pastikan harga terkawal

Selain daripada peruntukan undang-undang, pihak yang berkaitan dengan isu penguatkuasaan kawalan terhadap harga barang dan perkhidmatan seperti agensi penguatkuasaan di bawah KPDNKK, persatuan pengguna dalam negara kita seperti Gabungan Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia (FOMCA), Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan lain-lain serta masyarakat secara keseluruhannya hendaklah terus memberi kerjasama bagi memastikan harga barang serta perkhidmatan terutama barang keperluan asas adalah sentiasa terkawal serta tidak dimanipulasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sebelum ataupun selepas GST dilaksanakan.

Sebarang tindakan memanipulasikan isu GST ini perlulah dilaporkan kepada agensi berkaitan dengan segera bagi mengelakkan lebih ramai orang awam menjadi mangsa dengan kegiatan penipuan terbabit. Untuk mengelakkan masalah terbabit menjadi lebih serius, pihak kerajaan melalui kementerian yang berkaitan perlu memastikan peniaga meletakkan tanda harga terhadap segala barangan serta perkhidmatan yang ditawarkan bagi mengelakkan pengguna keliru serta tertipu selepas pelaksanaan GST kelak seperti yang diperuntukkan melalui Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993. Di samping itu, 'Mahkamah Khas GST' seperti yang pernah dicadangkan untuk diwujudkan bagi mengendalikan kes yang berkaitan dengan isu GST perlu diwujudkan dengan segera bagi terus memberi keyakinan kepada masyarakat pengguna dalam negara kita terhadap sistem percukaian GST yang bakal dilaksanakan nanti.



Penulis

ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)